



**BAHAGIAN SUMBER MANUSIA
INSTITUT PENYELIDIKAN PERHUTANAN MALAYSIA (FRIM)
KEPONG, 52109 SELANGOR DARUL EHSAN**

Ruj Kami/ Our Ref: FRIM500-2/2/1(57)
Ruj Tuan/ Our Ref:

Tarikh : 20.09.2017

IKLAN JAWATAN KOSONG KUMPULAN SOKONGAN SIRI 3/2017

Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia berumur 18 tahun ke atas yang berkelayakan bagi mengisi jawatan-jawatan-jawatan berikut di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

1. (a) **JAWATAN : PENOLONG PEMELIHARA HUTAN GRED G29**
- (b) **PENEMPATAN:** BAHAGIAN BIOTEKNOLOGI PERHUTANAN
- (c) **TARAF
JAWATAN : TETAP / KONTRAK**
- (d) **JADUAL GAJI :** RM 1,494.00 (Minimum) – RM 5,674.00 (Maksimum)
- (e) **KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN :** RM 145.00
- (f) **IMBUHAN**
 - (i) Tetap Khidmat Awam : RM160.00
 - (ii) Tetap Perumahan : RM300.00
 - (iii) Bantuan Sara Hidup : RM300.00
- (g) **SYARAT LANTIKAN :**

Calon-calon bagi jawatan di atas hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

 - (i) Warganegara Malaysia;
 - (ii) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (h) **KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED G29**
 - (i) Sijil Perhutanan Renjer Hutan daripada Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred G29: RM1,494.00); atau

- (ii) Diploma dalam bidang Perhutanan atau bidang berkaitan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred G19: RM1,847.86); dan

(i) SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan Gred G29 hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(j) PENINGKATAN SECARA LANTIKAN

Pegawai sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Pengawas Hutan di gred G19/G20, G22, G26 atau G28 adalah layak dipertimbangkan oleh pihak berkuasa melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Pemelihara Hutan Gred G29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

- a) Mempunyai kelayakan diperenggan 1(h); atau
- b) Lulus peperiksaan khas; dan
- c) Berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan.

CARA MEMOHON

Permohonan hendaklah dibuat melalui sistem permohonan jawatan dalam talian yang boleh diakses di laman sesawang Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM). Hanya permohonan yang dibuat melalui sistem permohonan dalam talian FRIM (<http://www.frim.gov.my/general-public/career-opportunities/>) akan diproses. Calon dikehendaki memuatnaik resume yang lengkap (kelayakan akademik, pengalaman kerja, gaji semasa dan gaji yang dipohon, gambar berukuran passport serta salinan sijil-sijil berkaitan) semasa membuat permohonan.

TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 13 Oktober 2017 (Jumaat)

CATATAN AM

Hanya calon-calon yang layak sahaja akan dipanggil untuk menjalani proses saringan. Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas **tiga (3) bulan** dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.